NIOSH CERTIFICATION SDN BHD (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar BaruBangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcert.com.my

Ruj. : **NCSB/MSC/260/PRIMAHARI/19/STKC**
Tarikh : **23 Julai 2019**
U.P **: Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA PRIMAHARI SDN BHD

NIOSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-3:2013 terhadap ladang kelapa sawit **Primahari Sdn Bhd** beralamat seperti berikut:

1. **PRIMAHARI SDN BHD**
   P.O Box 60886,
   91118 Lahad Datu Sabah.

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri iminyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

a. Pematuhan perundangan
b. Perlindungan alam sekitar
c. Pemuliharaan biodiversiti
d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
f. Pembangunan komuniti setempat

Bagi memenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas **Primahari Sdn Bhd** pada **8 Ogos 2019**. Oleh itu, NIOSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap **Primahari Sdn Bhd** yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti **Primahari Sdn Bhd** berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada **8 Ogos 2019** atau melalui surat / emel ke *khairul.faris@nioshcert.com.my* dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak **Primahari Sdn Bhd** semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ASIAH NASUTION SUHAIMI
Pengurus Pensijilan